



PLANMalaysia



TEKS UCAPAN

**YBRS. TPr Gs DR.SHAMSAINI BINTI SHAMSUDDIN
KETUA PENGARAH PLANMalaysia
(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA)**

DI

SESI MAJLIS BERSAMA PERUNDING (MBP)

**TARIKH : 6 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)
MASA : 2.00 PETANG - 5.30 PETANG
PLATFORM : SECARA ATAS TALIAN (CISCO WEBEX)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَصَاحْبِيهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berusaha TPr Jasmiah binti Ismail

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan PLANMalaysia;

Yang Berbahagia Datin TPr Hajah Mazrina binti Dato' Abdul Khalid

Naib Presiden Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP);

Pengarah-Pengarah PLANMalaysia@Negeri,

Pengarah-Pengarah Bahagian dan Pejabat Projek, Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pertubuhan Perancang Malaysia;

Perunding-perunding Perancang Bandar dan semua hadirin yang hadir di dalam Majlis Bersama Perunding Tahun 2021.

PENDAHULUAN

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

1. Pertama sekali, saya ingin menyampaikan **salam takzim** daripada Yang Berusaha Town Planner (TPr) Geospatialist (Gs) Dr. Shamsaini binti Shamsuddin, Ketua Pengarah PLANMalaysia yang tidak dapat bersama-sama kita pada petang ini kerana mempunyai urusan kematian ahli keluarganya. Walau bagaimanapun, beliau berharap program ini berjalan lancar.
2. Berikut itu, saya menggantikan YBrs. Dr Ketua Pengarah untuk membacakan teks ucapan beliau.
3. Alhamdulillah dan syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul di Majlis Bersama Perunding bagi tahun 2021 secara *online* pada hari ini;
4. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih di atas kehadiran semua perunding dan pegawai PLANMalaysia ke Majlis ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada perunding yang berjaya dalam bidaan projek PLANMalaysia pada tahun ini;

5. Majlis yang diadakan pada setiap tahun ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengurusan kajian-kajian dalam memastikan output kajian yang disediakan Jabatan adalah berkualiti dan berdaya laksana agar mampu menjadi **dokumen perancangan yang komprehensif bagi menyokong pembangunan negara ke arah kemakmuran bersama (*shared prosperity*)**;
6. Justeru, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua perunding kerana membantu Jabatan dalam memandu arah tuju bidang perancangan dan pembangunan fizikal negara. Kerjasama antara PLANMalaysia dengan Perunding yang telah lama terjalin diharap akan dilakukan secara berterusan bagi menyumbang kepada pencapaian visi dan misi jabatan serta kementerian.

PEROLEHAN PROJEK DAN PELANTIKAN PERUNDING

**Yang Berbahagia Dato'- Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan
Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

7. Sebagaimana yang kita sedia maklum, sindiket kartel yang dibanteras oleh Kerajaan baru-baru ini perlulah diambil perhatian. Saya memandang serius perkara ini, dan Jabatan telah mengambil perlbagai usaha untuk **membendung sebarang bentuk Tipuan Bida (*Bid Rigging*)**. Antara kesalahan adalah seperti penetapan harga dan pembahagian pasaran serta membuat pakatan dalam penentuan pemenang selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC);
8. Semua agensi kerajaan termasuk PLANMalaysia telah digesa untuk memastikan segala urusan perolehan kerajaan termasuk perolehan perkhidmatan perunding secara tender terbuka dilaksanakan secara **telus** dan perlu mematuhi semua peraturan kewangan berkuatkuasa dipatuhi.
9. Untuk makluman semua, pada tahun ini sebanyak **13 projek** PLANMalaysia telah dilantik melalui **kaedah Tender Terbuka (TT)** manakala **4 projek** dilaksanakan melalui **kaedah Lantikan Terus Berserta Kos Siling (LTBKS)**;

10. Lantaran itu, saya berharap agar semua perunding sentiasa mengemaskini **maklumat profil syarikat** di dalam **sistem eperolehan** dan **tiada unsur-unsur pemalsuan maklumat** tersebut. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, pihak Kementerian Kewangan (MoF) boleh mengenakan **tindakan tatatertib** sekiranya tuan-tuan dan puan-puan gagal mengemaskini maklumat profil syarikat. Ini berikutan, pemilihan firma perunding bagi Kaedah Lantikan Terus Berserta Kos Siling (LTBKS) adalah bergantung kepada maklumat yang terdapat dalam sistem eperolehan;
11. Tujuan perolehan secara Kaedah Tender Terbuka adalah untuk memberi **peluang yang sama rata** kepada semua perunding dan **bersaing secara sihat**, sama ada melibatkan firma baharu atau pun firma sedia ada yang telah kukuh (*establish*). Saya ingin menekankan bahawa, **prestasi perunding yang cemerlang** merupakan kriteria utama yang menjadi asas penilaian PLANMalaysia, terutamanya dalam penilaian teknikal perunding;
12. Ingin saya tegaskan, tuan-tuan dan puan-puan perlulah lebih bersedia dan menilai kemampuan diri sendiri dan kekuatan seluruh pasukan perunding sebelum membida sebarang kajian di bawah PLANMalaysia. Saya amat berharap agar komitmen yang tinggi dapat diberikan sepenuhnya sekiranya telah terpilih dalam menjalankan kajian;

13. Saya mengharapkan perunding dapat memberikan nilai tambah (*value added*) terhadap penyediaan laporan-laporan serta sentiasa bekerjasama dengan pengurus projek dalam menyiapkan kajian;
14. Mulai tahun ini juga, saya telah memperkenalkan penilaian secara ***360 Degree Performance Appraisal*** dari kalangan perunding sebagai usaha untuk menambahbaik pengurusan pasukan kajian dengan pihak perunding;
15. Segala perkara yang dibangkitkan oleh tuan-tuan dan puan-puan telah saya ambilkira dalam penilaian Pengurus Projek Terbaik baru-baru ini. Ianya merupakan salah satu inisiatif jabatan untuk meningkatkan kualiti pengurusan secara holistik. Mesyuarat Pengurus Projek yang telah diadakan pada 24 Ogos 2021 yang lalu juga telah memfokuskan kepada *upskilling* dan *reskilling* di kalangan pengurus projek;

TRANSFORMASI STRUKTUR ENTITI FIRMA

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

16. Di sini saya ingin memaklumkan bahawa di bawah kuasa yang diberikan oleh Subseksyen 8(c) Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538], Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) telah menetapkan **Skala Fi Minimum (SOF)** Perancang Bandar Tahun 2021 berkuatkuasa pada 15 Mac yang lalu;

17. SOF ini adalah bertujuan sebagai panduan untuk semua perunding dalam **penentuan fi minimum** bagi perkhidmatan yang ditawarkan. Oleh yang demikian, saya berharap semua perunding memahami SOF yang dikeluarkan oleh LPBM ini dan memastikan ianya dipatuhi;
18. Sejajar dengan perkara ini, saya turut berpandangan, sudah tiba masanya **transformasi struktur entiti firma perunding sole proprietorship (orang perseorangan) kepada Syarikat Sdn. Bhd.** yang dimiliki melalui pemegang saham perlu dilakukan, bagi memastikan firma tersebut dapat berkembang maju dalam sektor perkhidmatan perundingan;
19. Sekiranya sesuatu terjadi kepada pemegang saham, saham itu boleh dipindah milik kepada pemegang saham yang baru. Hal ini menjadikan **operasi syarikat sentiasa berterusan dan boleh dikawal selia dengan lebih teratur**. Saya yakin bahawa syarikat akan lebih **berdaya saing** dan berupaya menambah kredibiliti melalui barisan ahli lembaga pengarah yang profesional di samping pengurusan kewangan yang lebih sistematik;

PENGOPERASIAN FIRMA

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

20. PLANMalaysia dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) telah mengambil tindakan dalam memastikan perkhidmatan profesional dan juruperunding disenaraikan di dalam **Senarai Perkhidmatan Perlu Yang Dibenarkan Beroperasi semasa Pelan Pemulihan Negara (PPN)**;
21. Justeru itu, saya berharap mana-mana firma yang berdaftar dengan LPBM dan termasuk **dalam kategori kerja-kerja yang dibenarkan** mengikut ketetapan SOP Sektor Pembinaan perlu memohon kebenaran beroperasi melalui *COVID19 Intelligent Management System* (CIMS) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di bawah Kluster Kerajaan Tempatan dan Sektor Juruperunding Badan Profesional.

TRANSITIONAL PAIN TO THRIVE IN A PANDEMIC AND POST PANDEMIC WORLD

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

22. Mengambilkira perubahan ekonomi dan juga kesan terhadap pandemik Covid 19 yang melanda di seluruh dunia, sudah tentu negara memerlukan perunding perancang bandar yang sentiasa responsif, inovatif dan kreatif dalam melakukan transformasi dalam pelaksanaan kajian agar seiring dengan perkembangan **Industri Revolusi 4.0** bagi mendepani cabaran di pasca pandemik ini;
23. **Norma baharu pendigitalan** di dalam persekitaran semasa disokong dengan adanya kemajuan teknologi pada masa kini seperti penggunaan kecerdasan buatan (AI), Internet of Things (IoT), Augmented Reality (AR), Virtual Reality (VR), Big Data dan automasi **telah menjadi alat (tools) pendekatan baharu** dalam perancangan, pengurusan dan pembangunan bandar bagi meningkatkan kualiti hidup, ekonomi dan kemampanan alam sekitar;
24. Dalam mewujudkan persekitaran digital untuk mendepani pandemik, saya memerlukan sokongan semua untuk **berkolaborasi** dalam meningkatkan kemahiran modal insan dan akses kepada teknologi yang baharu;

25. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat menerokai kaedah pengumpulan data secara *online* serta penggunaan *Artificial Intelligence (AI) Modelling* melalui data *remote sensing*, *unmanned aerial vehicles (UAV)* drone dan juga sistem maklumat geografi (GIS);
26. Selain itu, kita perlu lebih **berinovasi** dalam meningkatkan **kreativiti, pengurusan sumber yang cekap, peningkatan kemahiran digital dan infrastruktur serta kualiti perkhidmatan dalam memudahkan cara persekitaran kerja secara *online***;
27. Bagi mendepani cabaran pengurusan projek semasa pandemik ini, saya menyarankan perunding fokus terhadap **pengurusan sumber manusia yang lebih fleksibel dan kreatif**. Sebagai contohnya **penyewaan homestay sebagai pejabat sementara di kawasan kajian (site office)** dan **mengupah penemuduga (enumerators)** seperti pelajar siswazah untuk menjalankan kajian lapangan bagi mengatasi kekangan merentas negeri semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
28. Oleh yang demikian, saya yakin tuan-tuan dan puan-puan mempunyai **strong sense of professionalism** dalam melaksanakan dan menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik walau dalam apa keadaan pun juga.

29. Justeru itu, saya ingin memaklumkan bahawa **tiada Pelanjutan Tempoh Masa Perkhidmatan Perunding (EOT) akan diberikan** atas alasan tidak boleh beroperasi ketika tempoh PKP. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat menjalankan kajian mengikut jadual sepetimana yang ditetapkan di dalam kontrak perjanjian.

AGENDA MAJLIS BERSAMA PERUNDING 2021

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

30. Adalah menjadi harapan saya, semua pihak berganding bahu dalam memastikan hasil kajian mempunyai standard yang tinggi, berdaya laksana dan relevan untuk diterima pakai oleh pemegang taruh. Secara tidak langsung ianya mampu meningkatkan kecemerlangan dan keunggulan profesionalisme Perancang Bandar agar tidak dapat disangkal oleh pihak yang lain; **“So go on to soar high, work with the right people and there is no limit to what can be done”**.

31. Saya berharap kita semua dapat berkongsi pandangan dan pengalaman dalam **Sesi Townhall Bersama Pengurusan Tertinggi PLANMalaysia** sebagai usaha untuk bersama-sama menambahbaik mutu perkhidmatan perancangan bandar dan desa di masa hadapan.

PENUTUP

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

32. Semoga Allah SWT merestui niat murni ini dan memberkati segala usaha kita dalam mengharungi segala cabaran bagi mengatasi pandemik COVID 19 serta menjayakan agenda Kerajaan dan membawa kemajuan kepada Negara ke arah mencapai status pembangunan mampan menjelang 2030;
33. Akhir kata, selamat menyambut 100 Tahun Profesional Perancang Bandar. Dengan itu, saya merasmikan Majlis Bersama Perunding Tahun 2021 pada petang ini.

Sekian. *Wabillaahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*